

TEKUKUR API
Little Cuckoo Dove

FAMILI: Columbidae
NAMA SAINTIFIK: *Macropygia ruficeps*



CIRI-CIRI

Bagi burung jantan sub-spesies *M.r. assimilis*, ia menyerupai burung Tekukur Api Gunung (*M. unchall*) namun berbeza dari segi saiz iaitu burung Tekukur Api lebih kecil dan pada bahagian atas kepala jelas kelihatan warna coklat kemerahan. Bagi burung jantan sub-spesies *M.r. malayana* seperti yang terdapat di Semenanjung Malaysia, bahagian dada burung ini mempunyai bintik-bintik kehitaman serta warna keseluruhan badan lebih gelap. Selain itu, tepi sayap yang berwarna coklat muda adalah lebih lebar hingga ke bulu penutup sayap. Lain-lain sub-spesies di Asia Tenggara adalah *M.r. engelbachi* di utara Indochina. Panjang keseluruhan burung ini adalah di antara 28.0-33.0 sm.

MAKANAN

Ia bersifat *frugivorous* iaitu memakan buah-buahan.

HABITAT

Spesies ini menduduki kawasan hutan dipterokap, pinggir hutan, dengan ketinggian di antara 500-1,830 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi lembut satu nada *wup-wup-wup-woo-wup*.

PEMBIAKAN

Musim membiak bagi spesies ini adalah di antara bulan Januari hingga November setiap tahun dengan burung betina mampu menghasilkan 1-2 biji telur bagi satu eraman, di dalam sarang yang dibina pada pokok kecil atau kawasan buluh, sehingga 8 m dari aras tanah.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara.